

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perspektif pekerja teknologi industri, pengurus organisasi, ahli akademik, ibu bapa dan majikan terhadap keberkesanan Program Latihan Vokasional Malaysia (Teknikal) Vokasional di Sarawak. Terdapat enam (6) objektif dalam kajian ini, iaitu untuk meninjau keberkesanan program latihan VM, mengkaji keberkesanan kurikulum VM, mengkaji kesediaan bekerja graduan program latihan VM, meninjau penerimaan majikan terhadap graduan program latihan VM, mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan program latihan VM dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh graduan VM lepasan KV di Sarawak. Kajian ini melibatkan 16 orang informan yang terdiri daripada empat (4) orang pekerja teknologi industri (PTI), tiga (3) orang pengurus organisasi (PO), tiga (3) orang ahli akademik (AA), tiga (3) orang ibu bapa (IB) dan tiga (3) orang majikan (MJ). Data kajian kualitatif ini dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur. Transkrip temu bual telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Dapatan utama kajian ini mendapati program Latihan VM KV yang dijalankan adalah berkesan. Keberkesanan latihan kemahiran bidang teknologi adalah jelas kepada PTI. Kajian juga mendapati keberkesanan kurikulum yang dipelajari oleh PTI serta kepentingan terhadap bidang pekerjaan mereka. Dapatan seterusnya mendapati graduan VM bersedia untuk bekerja dalam industri. Dapatan kajian juga mendapati tahap penerimaan pihak industri yang tinggi terhadap graduan VM KV bidang teknologi. Dapatan kajian berkaitan dengan faktor yang menyumbang kepada keberkesanan program latihan VM mengikut pandangan pelbagai pihak serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh graduan VM juga dibincangkan dengan mendalam. Beberapa implikasi kajian, iaitu kepada pelbagai pihak berkepentingan telah dibincangkan.

Dicadangkan juga beberapa cadangan kajian pada masa yang akan datang untuk dijalankan. Diharapkan hasil daripada kajian ini dapat dimanfaatkan dan digunakan dengan sebaiknya untuk meningkatkan kualiti VM dalam kalangan graduan bidang teknologi lepasan KV supaya mereka lebih mendapat tempat di industri dan lebih berdaya saing dalam kalangan graduan TVET yang lain dalam era Revolusi Industri 4.0.

Kunci: Keberkesanan program, teknologi industri, program latihan, TVET

Effectiveness of the Malaysian Vocational Training Program (Technical) in Sarawak

ABSTRACT

This study aims to examine the perspectives of industrial technology workers, organizational managers, academics, parents and employers on the effectiveness of the Malaysian Vocational (VM) Training Program (Technical) of Vocational Colleges in Sarawak. There are six (6) objectives in this study, namely to review the effectiveness of VM program skills training, the effectiveness of VM curriculum, work readiness of VM training program graduates, employer acceptance of VM training program graduates, factors that contribute towards the effectiveness of VM implementation and challenges of KV VM graduates in Sarawak. This study involved 16 informants consisting of four (4) industrial technology workers (PTI), three (3) organizational managers (PO), three (3) academicians (AA), three (3) parents (IB) and three (3) employers (MJ). The data of this qualitative study were collected using a semi-structured interview method. Interview transcripts were analyzed using thematic content analysis. The main findings of this study found that the VM KV Training program which was conducted was effective. The effectiveness of technology skills training is clear to PTIs. The study also found the effectiveness of the curriculum learned by PTIs as well as the importance in their field of work. Subsequent findings found that VM graduates are ready to work in the industry. The findings of the study also revealed a high level of acceptance by the industry towards VM KV graduates in the field of technology. Findings of the study related to factors that contribute to the effectiveness of VM training programs according to the views of various parties as well as the challenges faced by VM graduates are also discussed in depth. Several implications of the study to various stakeholders have been discussed. It is also suggested that some research proposals in the

future to be conducted. It is hoped that the results of this study can be utilized and used to improve the quality of VM among KV graduates so that they would be able to secure a better place in the industry and be more competitive among other TVET graduates in the era of Industrial Revolution 4.0.

Keywords: *Program effectiveness, industrial technology, training program, TVET*